

Kerajaan akan bantu peruncit bumiputera

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memberi tumpuan kepada masalah kurangnya pembabitan orang Melayu dan bumiputera lain dalam sector peruncitan dan pengedaran setelah isu itu dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO yang berakhir semalam.

Menterinya, Datuk Mohd Shafie Apdal berkata, tindakan susulan akan dilakukan secepat yang mungkin untuk mencari jalan untuk membantu dan menggalak golongan itu berjaya dalam sektor peruncitan dan pengedaran yang merupakan antara sektor penting dalam ekonomi negara.

"Ini melibatkan pembahagian ekuiti terutamanya pengedaran barangan penting seperti gula. Dalam keadaan sekarang, sebahagian besar pendeda-

la penting dilakukan bagi mewujudkan keadaan seimbang dalam pemilikan ekuiti yang sebahagian besar pengedaran barangan penting dikuasai hampir sepenuhnya oleh masyarakat bukan Melayu

- Mohd Shafie Apdal

ran barangan penting dikuasai hampir sepenuhnya oleh masyarakat bukan Melayu.

"Saya perlu melihatnya secara terperinci perkara ini, seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk membantu dan meningkat penyertaan orang Melayu dan bumiputera lain dalam dua sektor utama dalam ekonomi negara ini.

"Ia penting dilakukan bagi mewujudkan keadaan seimbang dan sama

rata dalam pemilikan ekuiti," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan anjuran Kelab UMNO Luar Negara kepada anak-anak yatim Rumah Baitu Saidati Khadijah Gombak, hari ini.

Shafie berkata, industri farmaseutikal tempatan akan dilindungi sepenuhnya daripada sebarang kesan Perjanjian Perdagangan Bebas untuk memastikan semua rakyat Malaysia mampu membeli bekalan ubatan.

"Saya sudah mengarahkan pegawai-pegawai kanan kementerian untuk menyatakan kebimbangan negara kita terutamanya untuk melindungi industri farmaseutikal tempatan. Industri tempatan tidak terjejas walaupun ada perundingan itu," katanya.

"Sebelum menandatangani perjanjian itu, kita hendak memastikan barangan perubatan tempatan masih mampu dibeli," katanya.

Mengenai Kelab UMNO Luar Negara, Shafie berkata' bahawa dalam perhimpunan agung kali ini, wakil-wakil Kelab UMNO Luar Negara telah dibenarkan untuk membahas ucapan dasar presiden.

"Sebelum ini, wakil-wakil Kelab UMNO Luar Negara hanya dijemput untuk memberi ucapan. Ia pendedahan yang baik kepada anak-anak muda ini," katanya.

- Bernama